



SIARAN MEDIA

KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS DAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH NEGERI SELANGOR 2023 TAWAR LEBIH 7,000 PELUANG PEKERJAAN SERTA PLATFORM UNTUK PENDAFTARAN SKSSR

KLANG, SELANGOR – Lebih **7,000** peluang pekerjaan dalam pelbagai jawatan dan sektor menanti pencari kerja di **Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah Negeri Selangor 2023** yang diadakan hari ini dan esok.

Karnival dua hari anjuran **Kementerian Sumber Manusia** menerusi **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** dengan kerjasama **Kerajaan Negeri Selangor** ini menyaksikan penglibatan **38 majikan** dari sektor-sektor seperti kewangan, perhotelan, pembuatan, F&B, peruncitan, perdagangan borong, teknologi dan sebagainya. Majikan yang menyertai Karnival ini termasuk 99 Speedmart Sdn Bhd, AEON Co. (M) Bhd, Westports Malaysia Sdn Bhd, Bank Muamalat Malaysia Bhd, Habib Group, City-Link Express (M) Sdn Bhd, Pos Aviation Sdn Bhd, Safeguards Malaysia Sdn Bhd, Prasarana Malaysia Bhd dan Maybank Bhd.

Antara kategori jawatan yang ditawarkan adalah Pengurus, Profesional, Juruteknik, Pekerja Sokongan Perkhidmatan, Operator Mesin dan Loji serta Pekerjaan Asas.

Karnival yang berlangsung di **Dewan Hamzah, Klang, Selangor** pada **6 dan 7 Mei 2023**, bertujuan mengurangkan kadar pengangguran negara dengan menemukan pencari kerja tempatan termasuk mereka yang kehilangan pekerjaan dan penganggur bersama majikan yang mencari calon-calon untuk memenuhi kekosongan jawatan. Tidak dilupakan peluang-peluang pekerjaan untuk golongan yang mudah terjejas seperti Orang Kurang Upaya (OKU), miskin tegar, orang asli serta belia dan graduan yang lama menganggur.

Seperti karnival kerjaya sebelum ini, para pencari kerja boleh ke kaunter Kaunseling Kerjaya sepanjang karnival berlangsung untuk mendapatkan perkhidmatan pekerjaan seperti bantuan penyediaan resume, khidmat nasihat serta bimbingan kerjaya. Pencari kerja juga akan dibantu untuk berdaftar di **Portal Pekerjaan Negara, MYFutureJobs** yang antara lain, akan melaksanakan pepadanan pekerjaan yang lebih tepat untuk pencari kerja.

Sejak **Januari 2020 hingga Mac 2023**, **Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs** mencatatkan **686,419** kekosongan jawatan aktif yang terbuka kepada semua pencari kerja di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, Selangor merupakan negeri dengan kekosongan jawatan aktif yang terbanyak iaitu **225,182** jawatan.

Semua majikan, samada yang menyertai Karnival Kerjaya ataupun tidak, digalakkan memohon insentif Kerajaan yang dilaksanakan PERKESO di bawah **Belanjawan 2023** seperti **Insentif Kerjaya Madani 2023**. Majikan yang mengambil pekerja baharu sejak **1 Januari 2023** boleh mendapat manfaat daripada insentif kewangan di bawah **Program Daya Kerjaya dan Daya Kerjaya TVET** mengikut kumpulan pekerja yang disasarkan dalam program-program tersebut.

Selain menghimpunkan calon-calon dengan majikan yang menawarkan peluang pekerjaan dalam sesi temu duga terbuka, karnival ini juga menyediakan platform untuk warga Selangor mendapatkan maklumat lanjut tentang **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)** dan seterusnya mendorong golongan suri rumah untuk berdaftar dan mencarum dengan skim tersebut.

Sejak **1 Disember 2022 hingga 2 Mei 2023**, seramai **175,999** suri rumah telah mencarum dengan SKSSR. Ini termasuk **6,692** orang suri rumah di Selangor. Dalam tempoh yang sama, PERKESO telah menyerahkan **Faedah Pengurusan Mayat** di bawah SKSSR kepada **56** waris suri rumah berinsurans, dan daripada jumlah ini, **36** waris menerima **Pencen Penakat**. Setakat ini, PERKESO telah membayar faedah SKSSR berjumlah lebih **RM120,000**.

SKSSR, yang dikuat kuasakan pada 1 Disember 2022 di bawah **Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022**, merupakan usaha Kerajaan dalam memastikan perlindungan keselamatan sosial meliputi seluruh lapisan rakyat tanpa meminggirkan mana-mana golongan, demi perpaduan dan kesejahteraan masyarakat Malaysia MADANI.

Pencari kerja yang ingin menyertai Karnival Kerjaya MYFutureJobs di Selangor atau karnival seterusnya, boleh mendaftar di www.myfuturejobs.gov.my/careerfair dan bagi majikan yang ingin menawarkan pekerjaan melalui portal MYFutureJobs boleh layari www.myfuturejobs.gov. Untuk maklumat berhubung **Insentif Kerjaya Madani 2023**, sila layari kerjayamadani.perkeso.gov.my dan bagi sebarang maklumat lanjut, kunjungi **laman sesawang rasmi PERKESO** www.perkeso.gov.my atau hubungi **Careline PERKESO** di **1-300-22-8000** atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

6 Mei 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Hamisah Hamid

+6019-383 3605

hamisah.hamid@perkeso.gov.my

Nursyakirin Mohd Saleh

+6012-989 0340

nursyakirin.saleh@perkeso.gov.my